

31 ahli majlis MDB angkat sumpah

February 17, 2016,
Wednesday



ANGKAT SUMPAH: Bujang Ladi(duduk, empat kanan) bersama ahli majlis pada Majlis Angkat Sumpah di pejabat MDB semalam.

BETONG: Seramai 31 orang ahli majlis, Majlis Daerah Betong(MDB) mengangkat sumpah pelantikan dan lanjutan tempoh jawatan berkuat kuasa 1 Januari hingga 30 Jun ini.

Pelanjutan selama enam bulan berikutan tempoh pelantikan lama sudah tamat bagi sesi 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2015.

Setiasaha MDB Bujang Ladi berkata semua ahli majlis yang dilantik masih dikekalkan berikutan lanjutan tempoh tersebut.

“Manakala seorang daripada mereka tidak menyambung tugas kerana memegang jawatan temenggung dan seramai 31 orang ahli majlis dikekalkan,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, peranan mereka amat besar dan diperlukan dalam membantu memacu pembangunan di Betong dan menyumbang kepada kemajuan serta hala tuju MDB ke arah perancangan bersepadu.

“Setiap ahli majlis memainkan peranan masing-masing membantu menyumbang idea bagi menyelesaikan masalah di kawasan Betong dengan penubuhan jawatankuasa bertindak.

“Setiap jawatankuasa ditubuhkan merangkumi ahli-ahli majlis dan masing-masing berperanan menyelesaikan masalah serta membantu masyarakat di kawasan masing-masing,” jelasnya.

Beliau turut mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada semua yang dilantik dan sanggup menerima amanah tersebut.

Pegawai Daerah Betong Friday Belik selaku pengerusi MDB manakala Mohamad Rajuna Omar sebagai timbalan pengerusi.

This service is provided on BorneoPost online standard [Policies and Conditions](#). Copyright 2010-2015 BorneoPost Online. All Rights Reserved.